

Universiti adakrisis

u.m

29/11/07

M/S 11

11

KRISIS dalam dunia pengajian tinggi atau universiti bukan perkara baru.

Pertamanya soal pertambahan pelajar. Terdapat perbezaan di antara sebuah universiti dengan yang lain, tetapi secara umum antara tahun 1980-an hingga sekarang, bilangan pelajar yang memasuki universiti meningkat berlipat ganda. Penambahan luar biasa ini akan menimbulkan persoalan yang amat menyulitkan pengurusan sesebuah universiti.

Pertambahan ini terjadi berikutan kesedaran masyarakat terhadap pendidikan dan keperluan negara untuk melahirkan masyarakat pekerja yang terlatih.

Tidak mungkin sebuah negara yang mengejar kemajuan cuma mempunyai pekerja yang hanya lulus dari sekolah menengah sahaja. Tidak ada negara yang cuma memerlukan pemimpin yang hanya mempunyai kelulusan yang minimum.

Sudah banyak negara yang telah melancarkan pendemokrasian pendidikan.

Dahulu hanya sekolah menengah menjadi sekolah tinggi yang dijengah oleh pelajar tetapi hari ini rata-rata perlumbaan ke menara gading adalah cita-cita hampir semua pelajar. Malahan beribu-ribu pelajar menyerbu untuk memasuki pengajian tinggi.

Hari ini, lebih 100,000 pemohon yang layak memohon masuk ke pengajian tinggi di negara ini manakala tempat yang dapat menampung cuma lebih kurang 25,000 orang pelajar untuk semua universiti di negara ini.

Arus permohonan calon mahasiswa terlalu ramai, sedang tempat amat terbatas. Persoalannya kita membuka pintu gerbang sekolah menengah terlalu besar tetapi pelajar tercicir untuk ke pengajian tinggi atas alasan tempat yang terhad.

Ini yang aneh. Krisis pertambahan pelajar dan krisis kewangan mesti ditangani segera, kalau tidak krisis ini akan terus ada dan yang rugi adalah negara dan masyarakat.

Krisis kedua adalah tentang biaya. Mahasiswa bertambah kerana pertambahan penduduk dan kesedaran masyarakat terhadap pendidikan amat tinggi.

Pertambahan mahasiswa diikuti dengan biaya yang tidak mencukupi. Biaya yang besar mesti ada untuk menampung keperluan pembelajaran.

Pembiayaan terus melambung kerana biaya pembaikan, peralatan moden yang selalu bertukar tahun demi tahun.

Biaya pendidikan terus meningkat kerana keperluan yang melambung tinggi dan seka-



PENAMBAHAN bilangan pelajar yang kemudiannya menjadi graduan menimbulkan persoalan dalam pengurusan sesebuah universiti. Gambar ialah majlis konvokesyen ke-20 UUM.

Para sarjana wajar sedar, mereka perlu mempunyai hubungan dengan sarjana-sarjana di negara lain terutama negara yang lebih maju. Universiti di negara yang sedang membangun memerlukan hubungan dengan universiti yang lebih maju

li gus menambah beban dalam pemikiran mereka di pihak pengurusan. Pendidikan tinggi adalah atas biaya wang masyarakat.

Justeru, menjadi tanggungjawab kerajaan mengawasi secara serius semua pembiayaan yang digunakan oleh pengajian tinggi. Masyarakat mempunyai hak mengawasi perkembangan di pengajian tinggi.

Di negara-negara maju lain pendidikan yang memaksa masyarakat membayar terlalu mahal bukanlah sesuatu yang terhormat. Di negara kita juga sudah tumbuh penyakit ini.

Krisis lain adalah kesesuaian kurikulum yang ada sekarang.

Negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan di negara Eropah menekankan kepada kepentingan pada semua bidang ilmu. Ilmu kemanusiaan, ilmu sosial, ilmu falsafah, ilmu sains dan teknologi adalah penting. Semua ilmu mesti diutamakan.

Manusia mesti dilengkapi dengan il-

mu-ilmu lain seperti keagamaan dan kemanusiaan. Seorang saintis juga perlu mempelajari ilmu kemasyarakatan.

Sesuatu yang abstrak perlu juga diterapkan kepada pelajar kerana nilai-nilai keseimbangan ilmu perlu ada dalam diri manusia.

Bidang ilmu terpakai seperti kejuruteraan, sains komputer dan lain-lain adalah perlu bagi negara yang sedang membangun.

Para sarjana wajar sedar, mereka perlu mempunyai hubungan dengan sarjana-sarjana di negara lain terutama negara yang lebih maju.

Universiti di negara yang sedang membangun memerlukan hubungan dengan universiti yang lebih maju.

Dengan ini perkembangan intelektual akan terus tumbuh dan berkembang. Kesempatan berkunjung ke luar negara, melihat kemajuan bangsa lain perlu dialu-alukan.

Mengamati krisis jumlah peningkatan pelajar, biaya yang meningkat dan faktor

kesesuaian kurikulum adalah amat penting dikaji dan difikirkan secara serius jangannya sampai persoalan ini menjadi hambatan atau rintangan di dalam kerja seharian di universiti.

Perkara yang perlu difahami adalah universiti mesti berjaya menyesuaikan persoalan di dalam masyarakat yang semakin hari persoalan ini semakin bertambah bukan semakin berkurang.

Krisis lain adalah untuk melahirkan pemikiran-pemikiran yang rasional di dalam universiti.

Manusia berfikir akan menambah pengertian tentang lingkungan dan akan melahirkan suasana harmoni di dalam masyarakat.

Ini juga masalah yang dihadapi oleh universiti dewasa ini.

Hari ini mungkin muncul tempat yang gelap di dalam jiwa manusia, di dalam indera dan bayangan, di dalam perasaan dan bukan di dalam pemikiran.

Universiti dibangunkan adalah menjadi proses menambah pengetahuan dan tempat bertukar fikiran secara rasional. Ini adalah idea utama pembentukan universiti.

Ramai yang cenderung mengatakan krisis universiti adalah krisis kepimpinan.

Mungkin ini benar, tetapi yang menjadi hakikat kepada krisis utama adalah fenomena-fenomena yang disebut tadi iaitu biaya, pertambahan pelajar, kesesuaian kurikulum dan kesangsian masyarakat mengenai kewujudan dan peranan universiti.

Dan barangkali kalau mahu ditambah, krisis di dalam fikiran mereka yang memimpin universiti. Inilah krisis sebenarnya di dalam universiti awam di negara ini.

Sementara itu, tidak ada resipi tertentu untuk memecahkan persoalan ini, cuma kita memerlukan kerjasama antara pemimpin dan pekerja di dalamnya yang benar-benar jujur.

Selebihnya, apa yang diperlukan ialah mereka yang berupaya atau dapat membantu di antara satu sama lain bagi memartabatkan universiti, di mana menjadi tempat mereka bekerja dan memahami peranan universiti sebenar.

□ **PROF. DR. BUKHORY ISMAIL** ialah pensyarah Pengajian Komunikasi dan Media Universiti Teknologi Mara (UiTM)